

08 MAY 1996

Mahathir - Pemadam

HUKUMAN MATI TIDAK AKAN DITARIK BALIK, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik hukuman gantung sampai mati mandatori kepada pengedar dadah yang dikatakan kurang berkesan dengan tindakan tersebut.

Beliau berkata ada rungutan daripada beberapa pihak kepadanya yang menyatakan sungguhpun ada hukuman yang berat itu, makin ramai orang terlibat dengan penagihan dadah.

"Hukuman mati itu wajar dan tidak patut dihentikan sebagai balasan kepada pengedar yang boleh dianggap sebagai pembunuh," katanya ketika berucap pada "Malam Titian Pemadam di sebuah hotel di sini malam ini.

Dr Mahathir yang juga penaung Pemadam berkata, "tak boleh mudah berkata begitu, mungkin kalau tak ada hukuman berat itu lebih ramai lagi pengedar dadah yang akan terlibat".

Beliau berkata akibat daripada kegiatan yang tidak bermoral itu, 200,000 rakyat terutama golongan muda terbabit dengan gejala ini dan beratus juta dihabiskan kerana membeli dadah.

Oleh itu golongan ini tidak patut diberikan simpati kerana mangsa-mangsa dadah dianggap sebagai bangkai bernyawa yang menyusahkan negara, ibu bapa dan keluarga.

Selain itu pelbagai usaha dilaksanakan untuk mencegah penagihan dadah dan satu daripadanya ialah melalui pendidikan moral, kukuhkan semangat dan biarkan anak-anak membesar dengan iman yang kukuh yang dapat menjauhkan mereka daripada penagihan dadah.

Beliau berkata tabiat mahu mencuba terutama benda-benda baru seperti dadah hendaklah dikikiskan.

Katanya tabiat seperti ini boleh dibuat kepada benda-benda lain tetapi bukan kepada dadah.

Beliau juga berterima kasih kepada dermawan yang memberi derma pada malam ini yang berjumlah RM1.4 juta.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga berkata Presiden Parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah mungkin menyertai Umno.

"Ya saya berjumpa dia dan kita berbincang perkara itu," katanya.

Beliau diminta mengulas mengenai ada pertemuan antaranya dengan Razaleigh malam tadi.

Mengenai pertemuannya dengan Menteri Besar Kelantan Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat di pejabatnya petang ini, Perdana Menteri berkata mereka berbincang mengenai perniagaan gas.

Bagaimanapun, mereka tidak berbincang mengenai politik, katanya.

Mengenai dakwaan perlantikan Datuk Sanusi Junid untuk menggantikan Tan Sri Osman Aroff sebagai Menteri Besar Kedah, Dr Mahathir enggan mengulas.

-- BERNAMA

HT CR